



“ZAKAT JAMINAN SOSIAL UMMAH”.1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَعَاتُوا الزَّكَاةَ وَمَا تُقَدِّمُوا لِأَنْفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١١٠﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١١٤﴾</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT, dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita diberikan kejayaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Tajuk khutbah kita pada hari ini ialah “ZAKAT JAMINAN SOSIAL UMMAH.”</p> <p>Hadirin jemaah yang dirahmati Allah,</p>	6
<p>Zakat harta merujuk kepada zakat yang melibatkan harta-harta tertentu, iaitu emas, perak, pendapatan, perniagaan, wang simpanan, pelaburan, pertanian, penternakan dan galian. Semua jenis harta tersebut perlu dikeluarkan zakatnya apabila seseorang itu telah mencukupi segala syarat wajibnya. Maka berdosa besar bagi sesiapa yang enggan mengeluarkan zakat.</p>	7



<p>Peringatan Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat 35:</p> <p>يَوْمَ يُحْمَىٰ عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فُتُكْوَىٰ بِهَا جِبَاهُهُمْ وَجُنُوبُهُمْ وَوُجُوهُهُمْ هَذَا مَا كَنَزْتُمْ لِأَنفُسِكُمْ فَذُوقُوا مَا كُنْتُمْ تَكْنِزُونَ ﴿٣٥﴾</p>	8
<p><i>“(Iaitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): "Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu.”</i></p>	9
<p>Hadirin muslimin sekalian,</p> <p>Mutakhir ini kita berhadapan dengan Pandemik Covid 19, yang menjadi punca kepada pelbagai isu. Antara yang paling getir ialah kesannya kepada ekonomi negara. Banyak perusahaan yang terjejas dan menyebabkan ramai yang kehilangan pekerjaan. Senario ini mencetuskan satu masalah baharu iaitu kemiskinan segera.</p>	10
<p>Umumnya ‘kemiskinan segera’ ini hanyalah bersifat sementara. Namun begitu, ia akan menjadi masalah besar seandainya gagal ditangani dengan baik. Selain itu, ia juga tidak mengenal batas ekonomi dan boleh menimpa semua pihak, termasuklah mereka yang dari kumpulan M40 dan T20. Kelompok professional dan berkemahiran tinggi pun boleh terkena tempiasnya juga.</p>	11



<p>Mendepani situasi ini, Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah melancarkan pelbagai inisiatif untuk membantu mereka yang terkesan. Pada 2 Julai 2021, LZS telah melancarkan Bantuan dengan tema Zakat Selangor Peduli yang mensasarkan seramai 15,000 orang penerima dengan bantuan RM500 secara <i>one off</i> (sekali sahaja). Bantuan ini adalah kesinambungan dari Bantuan Khas COVID-19 dan Bantuan Alternatif Insan Terkesan (BAIT) yang telah dilancarkan sebelum itu. Sehingga saat ini, lebih dari RM100 juta telah diperuntukkan bagi membantu mereka yang terjejas dengan Covid 19 ini.</p> <p>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</p>	12
<p>Di sebalik keadaan ekonomi yang terjejas dan ramai kehilangan pekerjaan, hakikatnya masih ramai dalam kalangan umat Islam di negeri ini yang berpotensi menunaikan zakat.</p> <p>Ini kerana berdasarkan kajian, didapati potensi sebenar pembayar zakat di Selangor adalah berjumlah 1.2 juta orang. Sedangkan sehingga 31 Disember 2020 yang lalu, jumlah yang tampil menunaikan zakat hanya sekitar 300 ribu orang sahaja.</p>	13
<p>Ertinya, masih ramai yang mampu menunaikan zakat namun belum tampil melakukannya. Boleh jadi mereka tidak menyedari bahawa dirinya sudah wajib membayar zakat. Boleh jadi juga, mereka membayar zakat tanpa menyerahkannya kepada LZS, yakni diagihkan sendiri termasuklah menyalurkannya ke luar negeri Selangor.</p>	14



<p>Sesungguhnya perbuatan menyerahkan zakat kepada pihak selain LZS yang dilantik oleh MAIS adalah salah di sisi syarak dan sistem pentadbiran sesebuah negara. Ia bersandarkan sebuah dalil iaitu ketika mana Muaz bin Jabal Radiallahu'anhu diutus ke Negara Yaman,</p>	15
<p>maka Nabi Muhammad SAW berpesan kepadanya:</p> <p>فَأَخْبِرُهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ زَكَاةً فِي أَمْوَالِهِمْ تُؤْخَذُ مِنْ غَنِيِّهِمْ فَتُرَدُّ عَلَى فَقِيرِهِمْ</p>	16
<p><i>"Maka khabarkan kepada mereka, bahawa Allah juga telah mewajibkan bagi mereka zakat dari harta mereka, iaitu diambil dari orang-orang kaya di antara mereka dan disalurkan untuk orang-orang fakir di kalangan mereka (di Yaman)."</i> <i>(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).</i></p>	17
<p>Fuqaha menyatakan ini adalah dalil yang jelas bahawa harta zakat penduduk sesebuah negeri itu adalah hak asnaf di negeri berkenaan. Ia tidak boleh sewenang-wenangnya dibawa keluar tanpa keizinan pemerintah di tempat berkenaan.</p>	18



<p>Pernah terjadi kemarau panjang di Madinah dan ketika itu Umar al-Khattab Radiallahu'anhu menjadi khalifah, lalu Muaz bin Jabal Radiallahu'anhu telah membawa harta zakat penduduk Yaman ke Madinah untuk membantu mereka yang kelaparan. Namun Umar telah memarahi Muaz dan menolak pemberian itu, kerana harta zakat Yaman adalah untuk penduduk Yaman.</p> <p>Namun Muaz memberitahu, bahawa penduduk Yaman ketika itu berada dalam serba kecukupan, sedangkan penduduk Madinah sendiri sedang dalam kesempitan. Maka sebab itulah beliau membawa harta zakat itu ke Madinah. Mendengarkan hujah yang kuat itu, baharulah Umar mahu menerimanya demi maslahat penduduk Madinah.</p> <p>Muslimin yang dirahmati Allah,</p>	19
<p>Ingatlah bahawa zakat yang dikeluarkan itu adalah jaminan sosial di sisi umat Islam. Bagi pengeluar zakat, maka ia menjadi asbab kepada bertambah suburnya harta kekayaan mereka, sebagaimana yang diperingatkan oleh Allah SWT melalui surah Saba' ayat 39:</p> <p>قُلْ إِنَّ رَبِّي يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَيَقْدِرُ لَهُ وَمَا أَنفَقْتُمْ مِّن شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ وَهُوَ خَيْرُ الرَّازِقِينَ</p>	20
<p><i>"Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya Tuhanku memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya di antara hamba-hamba-Nya, dan Ia juga yang menyempitkan baginya; dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan menggantikannya; dan Dia lah jua sebaik-baik Pemberi rezeki".</i></p>	21



<p>Manakala bagi penerima, zakat adalah ibarat pelampung penyelamat di lautan yang mengelakkan mereka mati kelemasan. Malah, zakat menjadi tali perhubungan di antara orang kaya dan orang miskin yang sangat erat dan harmoni.</p> <p>Hadirin sekalian,</p>	22
<p>Perkembangan zakat di Negeri Selangor dinyatakan dengan jelas berdasarkan laporan tahunan pengurusan zakat Selangor. Contohnya, sehingga 31 Disember 2020, terdapat hampir 60 ribu buah keluarga miskin yang berdaftar dengan rasmi di LZS. Jumlah itu bukanlah sedikit, kerana jika diperincikan kepada bilangan individu, maka hakikatnya ia melebihi 400 ribu orang.</p> <p>Jumlah asnaf yang ramai ini pastilah memerlukan dana zakat yang cukup besar untuk memastikan keperluan mereka tidak terjejas. Apatah lagi dengan risiko Pandemik Covid 19 yang di luar jangka, maka tidak mustahil andai pada suatu hari nanti mungkin kita pula menjadi asnaf yang memerlukan santunan daripada pengurusan zakat.</p>	24
<p>Oleh itu, marilah kita bersama-sama menunaikan zakat dalam negeri Selangor ini dengan memanfaatkan kewujudan LZS sebaik-baiknya, agar LZS dapat berperanan dengan lebih berkesan dalam membantu umat Islam, khususnya di era yang mencabar hari ini.</p> <p>Sidang Jemaah yang dirahmati Allah sekalian,</p>	25



<p>Mengakhiri khutbah kali ini, berikut adalah beberapa pengajaran dan tausiyah kepada kita yang boleh dijadikan pedoman dalam hidup ini, antaranya adalah:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam hendaklah sedar bahawa zakat harta perlu ditunaikan apabila seseorang itu sudah mempunyai syarat wajib yang sempurna di sisinya.2. Umat Islam hendaklah memahami bahawa zakat adalah satu bentuk perhubungan yang harmoni antara orang kaya dan orang miskin.3. Umat Islam hendaklah menunaikan zakat harta kepada LZS agar pengagihan zakat itu benar-benar berkesan kepada asnaf yang memrlukan.	26
<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّهَمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَعَاتَوْا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾</p>	27
<p><i>"Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan solat serta menunaikan zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang daripada melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan."</i></p> <p>(Surah al-Hajj : 41).</p>	28
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	29
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	30



KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p>Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19.</p>	5
<p>Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin dengan sentiasa mematuhi SOP dan ambillah pengajaran atas apa yang berlaku, berhati-hati dan beringatlah selalu walau kita diberi sedikit kebebasan untuk bergerak. Ini kerana Negara masih memerangi wabak Covid-19 ini demi keselamatan diri kita serta masyarakat keseluruhannya.</p>	7
<p>Bagi yang terkesan dengan wabak ini, janganlah mengambil jalan mudah dengan memudar dan menyakiti diri sendiri. Kita mestilah berjiwa besar, sabar dan kuat mental serta fizikal berasaskan keimanan yang mantap.</p>	8



Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :	9
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾	10
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.	11
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.	12
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.	13
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةَ،	14
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	15



<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُولِيَّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج،</p>	16
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.</p>	17
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	18
<p>Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hamba-Mu yang sentiasa meninggikan kalimah dan Agama-Mu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina Agama-Mu</p>	19
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	20
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	21



<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾.</p>	22
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	23
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	24



*Khutbah Jumaat 8 Okt. 2021M / 1 Rabiulawwal 1443H: "Zakat Jaminan Sosial Ummah".
Jabatan Agama Islam Selangor*